

# Selangor akan rugi RM3.8 bilion

## 12,000 hilang peluang kerja jika kerajaan negeri terus politik isu air: Noh

Oleh Magendran Rajagopal,  
Lum Chee Hong, Hamid Karim  
dan Suhaila Shahrul Annuar  
bhnews@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Selangor akan kerugian pelaburan kira-kira RM3.8 bilion dan kehilangan lebih 12,000 peluang pekerjaan untuk rakyatnya jika kerajaan negeri terus mempolitikkan isu bekalan air di negeri itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata selain itu, kira-kira 70 peratus daripada projek perumahan baru yang dirancang di Selangor juga tidak dapat diteruskan kerana tiada jaminan bekalan air yang mencukupi.

Sehubungan itu, beliau yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, menyokong penuh titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang me-

ningatkan kerajaan negeri supaya tidak terus mempolitikkan isu air demi kepentingan rakyat dan pembangunan negeri.

"Ada 129 kilang yang diluluskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk membuat kilang di Selangor dengan nilai pelaburan kira-kira RM3.8 bilion tetapi kerana masalah air, kilang yang sepatutnya mula dibina sekarang dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun lagi, terbantut.

"Air simpanan kerajaan Selangor hanya tinggal 2.4 peratus sedangkan sepatutnya perlu ada 24 peratus dan pembinaan kilang tidak dapat dimulakan kerana tiada jaminan mereka akan mendapat bekalan air," katanya pada sidang media di kementeriannya, di sini, semalam.

Kelmarin, Sultan Sharafuddin bertitah baginda tidak mahu Selangor berdepan dengan krisis air yang boleh menjejaskan nama

baiknya sebagai negeri maju disebabkan pelabur berpindah ke tempat lain.

Noh berkata, Kerajaan Pusat bersedia mengeluarkan kira-kira RM3.6 bilion bagi membina Loji Air Langat Dua tetapi kerajaan Selangor enggan memberi kerjasama untuk menyediakan tapak pembinaan walaupun negeri itu dijangka menghadapi krisis air pada 2014.

Di KUALA LUMPUR, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piara-pakaran, berkata kerajaan negeri perlu mencari jalan penyelesaian bersama dengan pihak berkaitan bagi menyelesaikannya kerana masalah berkenaan sudah berlarutan sejak 2008.

"Selain itu, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (Datuk Seri Peter Chin Fah Kui) juga ada membuka ruang kepada kerajaan Selangor untuk menyelesaikannya

pada persidangan Parlimen sebelum ini, namun mereka tidak berbuat apa-apa sehingga sekarang.

"Jadi, saya berharap mereka akan duduk dan berbincang bersama dengan pihak terbabit supaya isu ini dapat diselesaikan, selepas ia tertangguh selama beberapa tahun," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, semalam.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mahu Kerajaan Pusat melaksanakan segera penstrukturan semula industri pembekalan air di Selangor seperti diperuntukkan Akta Industri Pembekalan Air 2006 (WSIA) yang membolehkan kerajaan negeri mengambil alih pengurusan air.

Beliau berharap Peter Chin segera menyetujui peruntukan WSIA dengan memastikan syarikat konsesi memberi persetujuan kepada rancangan penstrukturan yang dibuat kerajaan negeri.